

Laluan bot ke kuala cetek

Menyukarkan
nelayan turun ke
laut

ROHANA ISMAIL

TUMPAT



MAT ASRI



ADZMAN

Bukan hanya berdepan masalah kuala Tumpat tertutup, nelayan di daerah ini juga mula gelisah apabila alur ke kuala semakin cetek.

Alur atau laluan bot nelayan ke kuala semakin cetek sehingga bot nelayan tersangkut dan menyukarkan nelayan turun ke laut.

"Air pasang ini takmenentu, kadang kalajam 10 malam baru air pasang," katanya.

Menurutnya, walaupun berdepan kesukaran ia tidak mematahkan semangat nelayan di sini mencari rezeki.

Katanya, apa keadaan sekali pun, nelayan akan turun ke laut juga biar pun terpaksa

"Kami kena tunggu air

pasang kalau mahu turun ke laut.

bersekang mata menunggu air pasang.

"Ada yang tidur atas bot menunggu air pasang, kami berdepan kesukaran air cetek dan muka kuala tertutup," katanya.

Jelas Adzman, nelayan mengharapkan alur yang cetek ini diperdalamkan memudahkan nelayan turun ke laut.

"Soal kuala Tumpat tertu-



Nelayan perlu menunggu air pasang untuk turun ke laut kerana laluan bot ke kuala Tumpat cetek.

tup ini sudah isu lama yang berlarutan lebih 10 tahun lamanya, kami harap alur yang cetek ini juga tidak berlarutan seperti kuala Tumpat dan perlu diatasi segera," katanya.

Bagi Mat Asri Ibrahim, 49,

berkata, nelayan yang menggunakan bot fiber masih lagi boleh melaluiinya walaupun air cetek.

Katanya, bermasalah hanya ketika pulang menangkap ikan kerana bot berat dengan

info

Nelayan mengharapkan alur yang cetek ini diperdalamkan memudahkan nelayan turun ke laut

hasil tangkapan.

"Air cetek menyebabkan bot fiber ini susah sikit nak masuk ke darat.

"Lebih-lebih lagi hasil tangkapan banyak serta penumpang ramai yang merupakan kaki pancing yang menyewa bot untuk menangkap ikan," katanya.

Menurutnya, situasi alur cetek ini juga kadang kala menyebabkan kipas bot patah kerana tersangkut dalam lumpur dan tentunya memberi bebanan kepada nelayan untuk membaik pulih nanti.